

JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

JILID 13, 2017

Membantu Murid Tahun 3 Membundar Nombor Bulat Dengan Menggunakan Kaedah “Rumah Bundar”	1
Kiu Kwong Xian, Narawi Abu Bakar	
Meningkatkan Kemahiran Dalam Pecahan Bentuk Termudah Dan Pecahan Setara Melalui Kaedah Petak Sifir 5 × 5	11
Phor Zhi Ying Lu Chung Chin	
Penggunaan “LeSiMa” Dalam Penguasaan Pendaraban Melibatkan Nombor Dua Digit Bagi Murid Tahun 5	21
Lai Sze May, Lu Chung Chin	
Penggunaan Kotak Pecahan Dalam Penguasaan Kemahiran Penambahan Pecahan	31
Tan Boon Hua, Hamden Gani	
Brainstorming New Vocabulary With The Frayer Model	41
Shanu Preeya Thannimalai, Camillus Ong Hock Siew	
PWIM: Effective Tool For Teaching Vocabulary And Writing	49
Celestina Tan, Maria Alfred Kanyi	
‘Spell The Nouns!’ Game To Improve Spelling Of Nouns	57
Mohamad Afiq Mohamad Azman, Norsarihan Ahmad	
通过直映认字法帮助国小生理解字义 (<i>Penggunaan Kaedah Ilustrasi Piktograf Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Mengenal Erti Karakter Bahasa Cina</i>)	65
Sharon Chen Wan Chin, Khoo Kin Peng	
以板书策略帮助国小生理解课文内容 (<i>Penggunaan Pendekatan Banshu Dalam Membantu Pemahaman Murid Sekolah Kebangsaan Terhadap Isi Kandungan Petikan</i>)	77
Victoria Ngu Shiau Hui, Khoo Kin Peng	
通过听说法帮助国小生说出完整句 (<i>Penggunaan Kaedah Mendengar Dan Bertutur Untuk Membantu Murid Sekolah Kebangsaan Bertutur Dalam Ayat Yang Lengkap</i>)	89
Yee Soon Ling, Lim Lee Ching	
Penempa Leka Jaku Iban (<i>Pembentukan Istilah Bahasa Iban</i>)	101
Nelson Tandang Edwin Unting, Magdeline Nor, Ling Snelus Angking, Ngalai Belawing, James Valley Michael Harry, Sigie Badang	

Jurnal Penelitian Pendidikan
Jilid 13, 2017



Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri
Teacher Education Institute Sarawak Campus, Miri

PENASIHAT (ADVISOR)

JAMIRAN BIN SALAM, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

PENYELARAS (COORDINATOR)

Dr HU LAEY NEE

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

Panel Editor (Panel of Editors)

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD, Jabatan Bahasa

TING SIU GIN, Jabatan Bahasa

Dr LU CHUNG CHIN, Jabatan Matematik

Editor Grafik (Graphic Editor)

Dr HU LAEY NEE, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

TING SIU GIN, Jabatan Bahasa

Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak menerbitkan hasil-hasil penyelidikan pendidikan staf akademik, bekas staf akademik, para peserta kursus dalam perkhidmatan, dan para pelatih guru pra dan dalam perkhidmatan. Satu salinan manuskrip mengikut gaya yang dispesifikasikan dalam Publication Manual of the American Psychological Association (APA) boleh dialamatkan ke Sidang Editor, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.

The IPG Kampus Sarawak Journal of Education Research publishes educational research works of the academic staff, ex-academic staff, in-service course participants, and pre-service teacher trainees. A copy of each manuscript conforming to the style specified by the Publication Manual of the American Psychological Association (APA) can be addressed to the Editorial Board, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara © 2017 oleh IPG Kampus Sarawak, Miri

Copyright © 2017 by IPG Kampus Sarawak, Miri

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah, IPG Kampus Sarawak.

Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Director, Teacher Education Institut Sarawak Campus, Miri.

Segala surat-menyurat boleh dialamatkan kepada:

All correspondence can be addressed to:

Sidang Editor

Jurnal Penyelidikan Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri

Sarawak, Malaysia

PRAKATA
PENGARAH IPG KAMPUS SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk melafazkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 13, Tahun 2017 berjaya diterbitkan. Tahniah dan syabas kepada semua penulis, penyelaras, sidang editor IPG Kampus Sarawak.

Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini merupakan jurnal ke-13 yang memuatkan pelbagai artikel berkaitan dengan Pendidikan Matematik dan Bahasa termasuk Bahasa Iban yang digunakan di Negeri Sarawak. Jurnal seperti ini sesungguhnya akan dapat dijadikan wadah penting untuk para pendidik menyumbang dan berkongsi maklumat berkaitan dunia pendidikan yang semakin berkembang pesat terutamanya penggunaan bahasa yang pelbagai. Semoga hasil penulisan dalam jurnal ini akan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini yang selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPG Kampus Sarawak di atas usaha mereka dalam menyediakan Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 13 ini. Semoga jurnal ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua.

Sekian, terima kasih.



(JAMIRAN BIN SALAM)
Pengarah,
IPG Kampus Sarawak

Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji ke Hadrat Illahi kerana Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 13, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) pada tahun ini telah berjaya direalisasikan oleh panel editor dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGKS.

Jurnal yang diterbitkan ini adalah satu himpunan kajian yang telah dibuat oleh pensyarah dan guru pelatih. Semua hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya bagi ahli akademik sebagai satu percambahan ilmu dan memberi panduan kepada pelaksanaan kajian yang dapat digunakan oleh semua pihak terutamanya pensyarah dan pelajar dalam melaksanakan kajian mereka.

Kajian yang dilaksanakan diperingkat awal boleh dijadikan satu transformasi kepada satu kajian yang lebih besar jika penyelidik dapat berkongsi kajian mereka didalam satu platform penyelidikan yang lebih besar. Oleh itu, Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini adalah satu platform yang memberi ruang kepada penyelidik untuk terus menghasilkan karya penyelidikan yang dapat membantu semua pihak dari pelbagai aspek keilmuan.

Akhir kata, adalah diharapkan agar Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini mejadi panduan kepada seluruh Akademia dan warga pendidik. Semoga penghasilan jurnal ini akan dapat memacu kearah pembudayaan ilmu dan pembangunan kecemerlangan pendidikan.

Sidang Editor,
Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 13, 2017

MEMBANTU MURID TAHUN 3 MEMBUNDAR NOMBOR BULAT DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH “RUMAH BUNDAR”

KIU KWONG XIAN dan NARAWI ABU BAKAR

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid Tahun 3 dalam menguasai kemahiran membundarkan nombor bulat kepada puluh, ratus dan ribu yang terdekat. Penyelidikan tindakan ini dirancang dan dilaksanakan berpandukan Model Kemmis dan Taggart. Lima orang responden dipilih berdasarkan prestasi pada lembaran kerja yang disediakan. Kajian ini memfokuskan penggunaan kaedah “Rumah Bundar” dalam menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membundarkan nombor bulat kepada puluh, ratus dan ribu yang terdekat. Data dikumpul melalui pemerhatian berstruktur, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen yang digunakan adalah senarai semak pemerhatian, soalan temu bual dan lembaran kerja. Data dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan yang dilaksanakan dapat membantu responden dalam menguasai kemahiran membundarkan nombor bulat kepada puluh, ratus dan ribu yang terdekat. “Rumah Bundar” dicadangkan penggunaannya dalam pembundaran nombor bulat dengan nilai tempat yang lebih besar dan pembundaran dalam topik wang.

Kata kunci: pembundaran nombor, rumah bundar

ABSTRACT

This action research was conducted to help Year 3 students to improve the skills of rounding off the numbers which was rounded to the nearest tens, nearest hundreds dan nearest thousands. This action research was designed and implemented based on the Kemmis and Taggart Model. Five respondents were selected based on their performance on the worksheet provided. This action research focuses on the use of “The Round House” in improving the teaching and learning process to round off whole numbers to the nearest tens, nearest hundreds dan nearest thousands. Data collected through structured observations, interviews and document analysis. Data were analyzed by qualitatively dan quantitatively. The findings showed that the changes of practices can assist respondents in mastering the skill of rounding off the numbers. “The Round House” is proposed to be used in rounding off whole numbers with greater place value and in the topic of money.

Keywords: rounding off the numbers, round house

PENGENALAN

Menurut Muhammad Faiz Norman (2011), tanpa kita sedari bahawa ilmu Matematik adalah berkait rapat dengan aktiviti harian dan banyak mempengaruhi kehidupan kita. Di sekolah, kemahiran Matematik yang dipelajari adalah berperingkat dari tahap 1 hingga ke tahap 2. Sebagai contoh, murid belajar kemahiran pembundaran nombor sejak Tahun 2 hingga Tahun 5, perbezaannya hanyalah nombor dan nilai tempat yang dibundarkan semakin besar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011, 2012, 2013, 2014). Daripada itu, pembundaran melibatkan nombor bulat adalah satu topik yang amat sukar difahami oleh murid kerana topik ini tidak diajar secara konkrit. Kajian oleh Suhana Mukah (2015) mendapati murid tidak memahami konsep pembundaran dengan baik dan


guru perlu berusaha untuk meningkatkan penguasaan kemahiran pembundaran nombor bulat dalam kalangan murid.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa menjalani praktikum fasa III, pengkaji berpeluang masuk ke kelas seorang guru yang sedang membuat ulangkaji tentang topik pembundaran nombor bersama dengan murid Tahun 3. Pengkaji mendapati guru tersebut mengajar dengan cara “*chalk and talk*” dan tanpa menggunakan bahan bantu mengajar. Kesannya, murid-murid kurang memberi perhatian dan mereka tidak dapat menjawab soalan pembundaran nombor dengan betul. Oleh itu, guru harus mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat murid. Antaranya ialah menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik seperti yang disarankan oleh Sulaiman Ngah Razali (2000).

Selepas ujian awal yang dilaksanakan oleh pengkaji, didapati beberapa kesilapan yang sering dilakukan oleh murid seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2. Kajian Kenny Jikom (2015) juga menunjukkan bahawa kesalahan yang sering dilakukan oleh murid semasa menjawab soalan pembundaran nombor termasuklah tidak menukarkan digit selepas tempat pembundaran kepada sifar (Rajah 1) dan tidak membundarkan nombor dengan betul iaitu terlupa untuk menambah ‘satu’ kepada nilai tempat yang hendak dibundarkan jika digit di sebelah kanan bernilai 5 atau lebih daripada 5 (Rajah 2).


Rajah 1. Nombor tertentu tidak ditukar kepada sifar



4) 找出 9 081 的百位近似值。
Bundarkan 9081 kepada
ratus yang terdekat.
答: 9181 X

5) 找出 7 905 的千位近似值。
Bundarkan 9081 kepada
ribu yang terdekat.
答: 8905 X

Rajah 2. Murid tidak membundarkan nombor dengan betul



4) 找出 9 081 的百位近似值。
Bundarkan 9081 kepada
ratus yang terdekat.
答: 9 000 X

5) 找出 7 905 的千位近似值。
Bundarkan 9081 kepada
ribu yang terdekat.
答: 7 000 X

FOKUS KAJIAN

Menurut Baharin Shamsudin (1994), pembundaran merupakan tindakan menukarkan sesuatu kuantiti atau nombor kepada kuantiti atau nombor terdekat yang

diperlukan. Dalam kajian ini, pengkaji mencari kaedah yang sesuai untuk membantu murid Tahun 3 dalam penguasaan pembundaran nombor bulat berdasarkan masalah yang dihadapi oleh murid. Menurut Moses (1982), visualisasi merupakan satu teknik yang berguna dalam menyelesaikan masalah Matematik terutamanya dalam pemindahan masalah berbentuk abstrak kepada bentuk yang lebih konkrit seperti perwakilan gambar atau lukisan. Lanjutan daripada itu, beberapa kaedah telah dicipta berdasarkan konsep visualisasi dalam membantu murid menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat. Antaranya, kaedah “Bukit Bundar” yang dikemukakan oleh Aj Math (2013), kaedah “Si Ali Berlari” yang diperkenalkan dalam kajian Khairul Azlan Mohd Faizul (2013) dan penggunaan “Bukit Bundar” dalam kajian Sia Hung Hee (2015). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah “Rumah Bundar” untuk membantu murid dalam menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat. “Rumah Bundar” diubahsuai selepas kitaran pertama mengikut masalah yang dihadapi oleh murid.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- Membantu menambahbaik amalan guru dalam membantu murid-murid Tahun 3 membundarkan nombor bulat dengan menggunakan “Rumah Bundar”.
- Membantu murid menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat dalam lingkungan 10 000 dengan menggunakan “Rumah Bundar”.

Kajian ini mempunyai dua soalan, iaitu:

- Bagaimanakah “Rumah Bundar” dapat menambahbaik amalan pengajaran guru dalam membantu murid-murid Tahun 3 membundarkan nombor bulat?
- Adakah murid-murid menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat dalam lingkungan 10 000 dengan menggunakan “Rumah Bundar”?

KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini melibatkan lima orang murid Tahun 3 dari sebuah sekolah di kawasan Miri (Jadual 1). Pemilihan responden adalah berdasarkan hasil murid dalam ujian awal yang disediakan oleh pengkaji dan juga pemerhatian yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1
Butir-butir responden yang dipilih






Responden (R)	Umur (Tahun)	Lelaki / Perempuan	Kaum	Jumlah bilangan soalan dijawab betul (5 soalan)
R1	9	L	Iban	0
R2	9	P	Iban	2
R3	9	P	Iban	1
R4	9	P	Cina	1
R5	9	P	Cina	0

TINDAKAN

Kajian ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan Model Kemmis dan Taggart (1982) yang merangkumi empat langkah, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan membuat refleksi (Rosinah Edinin, 2011; Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman dan Ting Hun Yong, 2013; Shamsina Shamsuddin, 2014).


Dalam fasa merancang bagi kitaran 1 (K1), pengkaji merancang kaedah “Rumah Bundar” dan menggunakannya dalam membantu responden menguasai kemahiran pembundaran nombor seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Kaedah “Rumah Bundar”


<p>Soalan Bundarkan 1468 kepada ratus yang terdekat</p>	<p>Responden melukis “Rumah Bundar” seperti ditunjukkan di bawah.</p>
<p>Langkah 1: Melukis “Rumah Bundar”</p>	
<p>Langkah 2: Mengisi nombor di bawah Rumah Bundar dan membuat tanda</p>	<p>Responden menuliskan nombor di bawah bumbung rumah. Selepas itu, responden menggariskan digit di tempat nilai ratus dan membulatkan digit di tempat nilai puluh yang dijadikan sebagai rujukan.</p> 
<p>Langkah 3: Menuliskan sifar</p>	<p>Responden menggantikan dua digit selepas digit yang digariskan itu kepada sifar.</p> 
<p>Langkah 4: Menentukan nombor yang digariskan perlu ditambah sifar atau satu</p>	<p>Responden membulatkan digit yang berada di atas bumbung mengikut digit yang telah dibulatkan.</p> 
<p>Langkah 5: Menulis jawapan.</p>	<p>Dengan ini, digit 4 perlu ditambah ‘satu’ menjadi 5 dan digit di depan 4 perlu disalin iaitu ‘1’ untuk menjadikan jawapan akhir 1500.</p> 

Selepas K1, pengkaji mendapati responden masih melakukan kesilapan semasa menggunakan kaedah “Rumah Bundar” untuk menjawab soalan pembundaran nombor bulat. Pengkaji menjalankan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh responden semasa menggunakan kaedah “Rumah Bundar”. Masalah yang dihadapi oleh responden ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4.

Rajah 3. Nombor tertentu tidak ditukar kepada sifar






Rajah 4. Tidak membundarkan nombor dengan betul



Semasa kitaran 2 (K2), pengkaji membuat penambahbaikan ke atas kaedah “Rumah Bundar” (Jadual 3) berdasarkan masalah yang dihadapi oleh responden. Ini bertujuan untuk membantu responden menyelesaikan masalah dengan lebih lancar.


Jadual 3
Kaedah “Rumah Bundar”

<p>Soalan Bundarkan 1468 kepada ratus yang terdekat</p>	
<p>Langkah 1: Melukis “Rumah Bundar”</p>	<p>Responden melukis “Rumah Bundar” seperti ditunjukkan di bawah. Penulisan nombor “+0” dan “+1” telah ditukarkan daripada simbol “()” kepada “_”.</p>
<p>Langkah 2: Mengisi Nombor ke Dalam Rumah Bundar dan membuat tanda</p>	<p>Responden dikehendaki menuliskan nombor di bawah bumbung rumah. Selepas itu, responden menggariskan digit di nilai tempat ratus. Kemudian, responden membulatkan digit yang dijadikan sebagai rujukan iaitu digit di nilai tempat puluh. Hitamkan digit-digit lain selepas digit puluh.</p>

<p>Langkah 3: Menuliskan sifar</p>	<p>Responden menggantikan digit di belakang digit yang digariskan kepada sifar.</p> 
<p>Langkah 4: Menentukan digit yang digariskan perlu ditambah sifar atau satu</p>	<p>Responden membulatkan digit di sekeliling bumbung mengikut digit yang telah dibulatkan. Anak panah digunakan supaya lebih jelas.</p> 
<p>Langkah 5: Menulis jawapan.</p>	<p>Dengan ini, 4 perlu ditambah 'satu' dan digit di depan 4 perlu disaling dan menjadikan jawapan akhir sebagai 1500.</p> 

Selepas K2, semua responden dapat menggunakan kaedah “Rumah Bundar” untuk menyelesaikan masalah pembundaran nombor bulat. Rajah 5 menunjukkan hasil kerja responden semasa K2.

Rajah 5. Hasil kerja responden



Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Pemerhatian dibuat berdasarkan empat kriteria yang ditetapkan dalam senarai semak pemerhatian. Temu bual separa berstruktur dijalankan selepas responden telah menyiapkan Ujian Pencapaian 1 (UP1) untuk K1 dan Ujian Pencapaian 2 (UP2) untuk K2. Hasil temu bual ditranskrip dan kemudiannya dikodkan sebagai “Y” untuk “Ya” dan “T” untuk “Tidak”. Dalam analisis dokumen, dua lembaran dua lembaran kerja (L1 dan L2) diberikan kepada responden dalam K1 dan dua lembaran kerja (L3 dan L4) dalam K2. Pada peringkat akhir setiap kitaran, ujian pencapaian (UP1 dan UP2) diadakan untuk memastikan tahap penguasaan responden berdasarkan konsep pembelajaran masteri iaitu menguasai sekurang-kurangnya 80% ke atas (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Dalam kajian ini, responden perlu menjawab dengan betul empat soalan daripada lima soalan yang dikemukakan untuk dikategorikan sebagai sudah menguasai kemahiran pembundaran nombor.

DAPATAN DAN REFLEKSI

a) Menambahbaik amalan guru dalam pengajaran kemahiran membundarkan nombor bulat

Menerusi dapatan pemerhatian K1 dan K2, semua responden dapat mendengar dan mengikut arahan. Semua responden juga mahir menggunakan kaedah “Rumah Bundar” dalam kedua-dua kitaran kecuali R2 dan R3 semasa K1 (Jadual 4).

Jadual 4

Hasil pemerhatian dalam K1 dan K2

Kriteria	Respon daripada para Responden									
	Kitaran 1					Kitaran 2				
	R1	R2	R3	R4	R5	R1	R2	R3	R4	R5
K1 Mendengar dan mengikut arahan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
K4 Mahir menggunakan kaedah “Rumah Bundar”	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/

Dua soalan telah ditanya semasa temu bual dijalankan. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis transkrip bagi soalan 1 dan soalan 2 dalam K1 dan K2.

Jadual 5

Hasil temu bual dalam K1 dan K2

Soalan	Respon daripada para responden									
	Kitaran 1					Kitaran 2				
	R1	R2	R3	R4	R5	R1	R2	R3	R4	R5
S1 Adakah soalan pembundaran nombor bulat sukar bagi anda?	Y	Y	Y	T	T	T	T	T	T	T
S2 Adakah Kaedah (Rumah Bundar) yang guru gunakan untuk topik pembundaran mudah difahami?	T	T	T	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y

Nota: Y – Ya, T - Tidak


Berdasarkan analisis pemerhatian pada Jadual 4 serta analisis hasil temu bual pada Jadual 5, penambahbaik amalan pengkaji dalam pengajaran kemahiran membundarkan nombor bulat tidak dapat membantu semua responden semasa menjawab soalan

pembundaran nombor semasa K1. Selepas mengubahsuai kaedah “Rumah Bundar”, semua data yang didapati menunjukkan penambahbaikan amalan pengkaji dengan menggunakan kaedah “Rumah Bundar” telah berjaya membantu responden-responden dalam pembelajaran mereka mengenai kemahiran pembundaran nombor bulat.


b) Membantu murid menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat

Melalui analisis dokumen, hanya R1 dan R4 mencapai tahap penguasaan dalam setiap lembaran kerja dan ujian pencapaian dalam K1 (Rajah 6). Dalam K2, semua responden mencapai tahap penguasaan dalam setiap lembaran kerja dan ujian pencapaian. (Rajah 7).

Rajah 6. Pencapaian responden dalam kitaran 1



Rajah 7. Pencapaian responden dalam kitaran 2



Menerusi hasil pemerhatian, semua responden tidak dapat menunjukkan keyakinan diri dalam K1 dengan selalu meminta kepastian jawapan daripada guru atau rakan sebaya. Keadaan ini telah bertukar semasa K2. Semua responden dapat menjawab soalan tanpa bantuan dalam kedua-dua kitaran kecuali R2 dan R3 semasa K1 (Jadual 6).

Jadual 6

Hasil pemerhatian dalam K1 dan K2

Kriteria	Respon daripada para responden									
	Kitaran 1					Kitaran 2				
	R1	R2	R3	R4	R5	R1	R2	R3	R4	R5
K2 Menunjukkan keyakinan diri	x	x	x	x	x	/	/	/	/	/
K3 Menjawab soalan tanpa bantuan	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/

Dua soalan telah dikemukakan semasa temu bual dijalankan. Jadual 7 menunjukkan hasil analisis transkrip bagi soalan 3 dan soalan 4 dalam K1 dan K2. Melalui temu bual, didapati hanya R4 dan R5 berasa yakin diri semasa membuat soalan membundarkan nombor bulat dan sanggup berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan lain. Keadaan ini telah ditambahbaik sehingga semua responden menunjukkan respon positif selepas K2 dijalankan.

Jadual 7

Hasil temu bual dalam K1 dan K2

Soalan	Respon daripada para Responden									
	Kitaran 1					Kitaran 2				
	R1	R2	R3	R4	R5	R1	R2	R3	R4	R5
S3 Adakah anda yakin semasa membuat soalan membundarkan nombor?	T	T	T	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y
S4 Adakah anda akan berkongsi pengetahuan dengan kawan-kawan yang menghadapi masalah yang sama?	T	T	T	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y

Nota: Y – Ya, T - Tidak


Melalui semua data yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa objektif membantu murid menguasai kemahiran pembundaran nombor bulat telah mencapai dalam K2.

PENUTUP

Kajian tindakan ini telah mencapai objektifnya untuk menambahbaik amalan guru dalam membantu murid-murid Tahun 3 membundarkan nombor bulat dengan menggunakan “Rumah Bundar”. Murid-murid telah berjaya menguasai kemahiran pembundaran nombor melalui “Rumah Bundar”.

Cadangan kajian lanjutan bagi kajian ini termasuklah menggunakan kaedah “Rumah Bundar” dalam membantu murid yang berada pada Tahun 4 untuk mencari pembundaran nombor bulat yang melibatkan nilai tempat yang lebih besar. Contohnya, bundarkan nombor 65431 kepada puluh ribu yang terdekat. Kaedah “Rumah Bundar” boleh digunakan untuk menyelesaikan soalan ini seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8.


Rajah 8. Kaedah “Rumah Bundar” untuk Topik Nombor Tahun 4



Selain itu, kaedah “Rumah Bundar” juga dicadangkan untuk digunakan dalam topik wang yang melibatkan kemahiran membundarkan wang berkenaan kepada Ringgit yang terdekat. Contoh soalan bagi topik wang ialah bundarkan RM 33.50 kepada ringgit yang

terdekat. Rajah 9 menunjukkan cara menggunakan kaedah “Rumah Bundar” untuk menjawab soalan ini.

Rajah 9. Kaedah “Rumah Bundar” untuk Topik Wang Tahun 4



RUJUKAN

- Aj Math. (2013, Jun 18). Bukit bundar [Video file]. Diperoleh dari <https://www.youtube.com/watch?v=4XXWOJUBGgA>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 2*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 3*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 5*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharin Shamsudin. (1994). *Kamus matematik bergambar sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenny Jilom. (2015). *Meningkaskan kemahiran membundarkan nombor bulat dengan menggunakan kit nombor dalam kalangan murid sekolah rendah*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Khairul Azlan Mohd Faizul. (2013). *Membantu murid tahun 4 membundarkan nombor bulat dengan kaedah “Si Ali Berlari”*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Moses, B. (1982). Visualization: A different approach to problem solving. *School Science and Mathematics*, 82, 141-147.
- Muhammad Faiz Norman. (2011). Indahny Matematik. Diperoleh dari [http://math.upm.edu.my/dismath/paper/2011/MM%20v.33\(2\)2011_49_53.pdf](http://math.upm.edu.my/dismath/paper/2011/MM%20v.33(2)2011_49_53.pdf).
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Pembelajaran masteri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan edisi kedua*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Shamsina Shamsuddin. (2014). *Panduan melaksanakan kajian tindakan di sekolah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sia Hung Hee. (2015). *Bagaimana membantu murid tahun 2 meningkatkan kemahiran membundarkan nombor bulat?*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Suhana Mukah. (2015). *Penggunaan teknik hemisfera dalam meningkatkan kemahiran murid tahun satu membundarkan nombor bulat kepada puluh terdekat*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Sulaiman Ngah Razali. (2000). *Pengajaran Sains KBSM*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

*Jabatan Matematik
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: kx5861@gmail.com, narawiabubakar@yahoo.com*

MENINGKATKAN KEMAHIRAN DALAM PECAHAN BENTUK TERMUDAH DAN PECAHAN SETARA MELALUI KAEDAH PETAK SIFIR 5×5

PHOR ZHI YING dan LU CHUNG CHIN

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan membantu murid-murid Tahun 4 menguasai kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara dengan menggunakan Kaedah Petak Sifir 5×5 . Pelaksanaan kajian adalah berasaskan Model Kemmis dan McTaggart dan melibatkan sembilan orang responden. Tiga kaedah pengumpulan data telah digunakan, iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja dianalisis untuk menentukan penguasaan responden dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara. Pemerhatian terhadap responden berdasarkan lembaran kerja yang dilakukan telah dianalisis dengan kekerapan “Ya” dan “Tidak”. Data temu bual ditranskrip dan dianalisis melalui kaedah pengkodan. Kedua-dua data ini dianalisis untuk mengenal pasti keyakinan murid semasa menggunakan kaedah ini. Kaedah Petak Sifir 5×5 diubahsuai pada kitaran 2 untuk memendekkan tempoh masa murid semasa menyelesaikan soalan. Hasil kajian mendapati perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan kaedah Petak Sifir 5×5 dapat meningkatkan penguasaan dan keyakinan responden dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara. Kajian lanjutan dicadangkan supaya Kaedah Petak Sifir 5×5 diubahsuai untuk menjadikan kaedah tersebut lebih efektif dalam kedua-dua kemahiran tersebut.

Kata Kunci: Kaedah Petak Sifir 5×5 , kemahiran pecahan bentuk termudah, kemahiran pecahan setara, murid Tahun 4

ABSTRACT

This action research conducted purposely to help Year 4 pupils master simplest form fractions and equivalent fraction skills using Times Table 5×5 method. Implementation of research was based on Kemmis and McTaggart Model by involving nine respondents. Three methods of data collection were used, namely document analysis, observations and interviews. The number answered correctly by respondents in the worksheet was analysed to determine the mastery of respondents in both skills. Observations towards respondents based on the worksheets was analysed using the frequency of “Yes” or “No”. Data interviews was transcript and analysed by coding method. Both of these data were analysed to determine the confidence of respondents using the method. Times Table 5×5 was modified in cycle 2 to reduce the duration of answering the questions. This research found that the changes in teaching practices by using a Times Table 5×5 method could improve the mastery and confidence of respondents in simplest form fractions and equivalent fractions skills. Further research was suggested by modifying Times Table 5×5 method to improve the effectiveness of the method in both skills.

Keywords: Times Table 5×5 method, simplest form fractions skill, equivalent fractions skill, Year 4 pupils

PENGENALAN

Dalam bidang Matematik, pecahan merupakan salah satu ilmu Matematik yang memberikan impak yang besar dalam kehidupan seharian. Murid-murid perlu menyesuaikan diri dalam konsep pecahan yang bercanggah dengan konsep nombor yang

telah dipelajari. Dalam pembelajaran pecahan peringkat permulaan, murid perlu memberi fokus kepada tiga komponen penting, iaitu pecahan sebagai sebahagian daripada satu keseluruhan, pecahan sebagai sebahagian daripada satu kumpulan benda dan tatatanda pecahan (Cathy, Anna, Manuel & Cynthia, 2010). Reys, Lindquist, Lambdin dan Smith (2015) pula menyatakan tiga definisi dalam pecahan, iaitu sebahagian daripada keseluruhan, hasil bahagi dan nisbah. Jadi, terdapat pelbagai kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid dalam topik pecahan berikutan dengan perkembangan dan pembelajaran dalam topik tersebut yang semakin mendalam.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid Tahun 4, saya telah menggunakan amalan pengajaran yang biasa digunakan oleh guru-guru di sekolah untuk mengajar semula kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara. Saya mendapati terdapat segelintir murid yang masih belum menguasai kedua-dua kemahiran tersebut berdasarkan hasil kerja mereka.

Bagi kemahiran pecahan bentuk termudah, terdapat dua jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid. Contoh kesalahan pertama telah ditunjukkan dalam Rajah 1, iaitu murid tidak melakukan sebarang proses permudahkan pecahan. Rajah 2 pula menunjukkan kesalahan murid yang tidak permudahkan pecahan kepada pecahan termudah walaupun terdapat proses permudahan yang dilakukan.

Rajah 1. Murid tidak melakukan proses permudahkan pecahan

$$8) \quad \frac{5}{10} = \frac{5}{10} \quad \times$$

Rajah 2. Murid tidak mempermudahkan pecahan kepada bentuk termudah.

$$4) \quad \frac{4}{8} = \frac{2}{4} \quad \times$$

Bagi kemahiran pecahan setara, saya telah mengenal pasti satu kesalahan umum yang dilakukan oleh murid-murid. Contoh kesalahan murid-murid telah ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4. Kedua-dua rajah tersebut telah menunjukkan kesilapan telah dilakukan oleh murid-murid apabila hanya satu pecahan setara sahaja yang telah dibulatkan.

Rajah 3. Murid tidak dapat menggunakan kaedah pendaraban dengan berkesan.

$$\frac{1}{2} = \left(\frac{2}{4} \right) * \frac{3}{9} * \frac{4}{8} \quad \times$$

Rajah 4. Murid tidak mampu mendapatkan pecahan setara tersirat yang tidak dapat diperoleh dengan mendarab dan membahagi.

$$\frac{3}{9} = \left(\frac{1}{2} \right) * \left(\frac{1}{3} \right) * \frac{2}{6} \quad \times$$

FOKUS KAJIAN

Pecahan termudah dan pecahan setara merupakan kemahiran yang penting dalam pembelajaran pecahan. Kedua-dua kemahiran ini akan terus digunakan pada tahap 2 sekolah rendah, terutamanya semasa mempelajari kemahiran penambahan dan penolakan pecahan wajar yang terdapat dalam Standard Kandungan Tahun 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Terdapat beberapa kaedah yang digunakan pada kajian-kajian lepas untuk meningkatkan penguasaan dalam kedua-dua kemahiran tersebut. Untuk kemahiran pecahan bentuk termudah, Mohd Sabri Mura (2012) telah menggunakan kaedah kotak sifir bagi membantu murid mencari faktor yang sesuai untuk dibahagikan oleh penyebut dan pengangka. Bagi kemahiran pecahan setara, Wong Chu Yew (2011) menggunakan kaedah lipatan kertas dengan cara menjalankan proses perbandingan antara jalur-jalur kertas yang dibentuk.

Pengkaji-pengkaji lepas juga menggunakan kaedah petak sifir yang masing-masing untuk meningkatkan penguasaan kemahiran pecahan bentuk termudah (Fadzillah Ashari, 2013) mahupun dalam kemahiran pecahan setara (Salwani Gani, 2015). Hasilnya, kesan yang positif telah diperolehi. Justeru, saya menggunakan kaedah petak sifir sebagai perubahan amalan saya dalam pengajaran topik pecahan yang melibatkan kedua-dua kemahiran ini. Pengubahsuaian dilakukan daripada kaedah petak sifir 10×10 ke petak sifir 5×5 . Rasionalnya, petak sifir 5×5 telah memadai untuk digunakan dalam kedua-dua kemahiran pecahan ini yang penyebutnya hanya hingga 10 sahaja dalam Tahun 3. Jadi, Kaedah Petak Sifir 5×5 telah digunakan untuk mengubah amalan pengajaran saya.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif:

- (a) Membantu murid menguasai kemahiran pecahan bentuk termudah dengan menggunakan Kaedah Petak Sifir 5×5 .
- (b) Membantu murid menguasai kemahiran pecahan setara dengan menggunakan Kaedah Petak Sifir 5×5 .
- (c) Meningkatkan keyakinan murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara dengan menggunakan Kaedah Petak Sifir 5×5 .

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

- (a) Adakah penggunaan Kaedah Petak Sifir 5×5 dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah?
- (b) Adakah penggunaan Kaedah Petak Sifir 5×5 dapat membantu murid meningkatkan penguasaan dalam kemahiran pecahan setara?
- (c) Adakah penggunaan Kaedah Petak Sifir 5×5 dapat meningkatkan keyakinan murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara?

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini melibatkan sembilan orang murid Tahun 4 yang tidak dapat menguasai kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara. Pemilihan responden tersebut dilakukan berdasarkan penilaian terhadap hasil kerja murid dalam lembaran kerja yang diberikan sebelum kajian sebenar dijalankan.

TINDAKAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan berdasarkan Model Kemmis dan Taggart (1988) yang terdiri daripada empat langkah, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Noraini Idris, 2010; Chua Yan Piaw, 2011; Shamsina Shamsuddin, 2014). Dengan menggunakan model ini, kajian ini telah dijalankan dalam dua kitaran. Pada kitaran 1, saya memperkenalkan petak sifir 5×5 dan menerangkan langkah-langkah penggunaan petak sifir 5×5 kepada responden. Jadual 1 menunjukkan petak sifir 5×5 yang diperkenalkan kepada responden. Jadual 2 dan Jadual 3 masing-masing menunjukkan langkah-langkah mencari pecahan bentuk termudah dan pecahan setara berdasarkan contoh soalan yang diberi.

Jadual 1
Petak Sifir 5×5

Warna Merah	1	2	3	4	5
	2	4	6	8	10
	3	6	9	12	15
	4	8	12	16	20
	5	10	15	20	25

Jadual 2
Langkah-langkah mencari pecahan bentuk termudah berdasarkan contoh soalan yang diberi.

<i>Contoh soalan:</i> Permudahkan pecahan $\frac{3}{6}$ kepada bentuk termudah.	
Langkah	Penerangan
Langkah 1	Cari nilai penyebut dan pengangka bagi pecahan $\frac{3}{6}$, iaitu 3 dan 6 pada petak sifir tersebut. Jadi, kedudukan bagi kedua-dua nombor tersebut adalah pada lajur (3).
Langkah 2	Pada kedudukan tersebut, baca dan tentukan nilai yang berada pada petak berwarna merah sebaris dengan kedua-dua pengangka dan penyebut yang telah dikenalpasti.
Langkah 3	Daripada bacaan yang telah ditentukan dalam langkah 2, nombor yang berada pada petak berwarna merah sebaris dengan nombor pengangka dan penyebut adalah 1 dan 2. Jadi, $\frac{1}{2}$ adalah pecahan termudah bagi $\frac{3}{6}$.

Jadual 3
Langkah-langkah mencari pecahan setara berdasarkan contoh soalan yang diberi.

<i>Contoh soalan:</i> Mencari pecahan setara bagi $\frac{6}{9}$.	
Langkah	Penerangan
Langkah 1	Cari nilai penyebut dan pengangka bagi pecahan $\frac{6}{9}$, iaitu 6 dan 9 pada petak sifir tersebut. Jadi, kedudukan bagi kedua-dua nombor tersebut adalah pada lajur (3).

Langkah 2	Pada kedudukan tersebut, baca dan tentukan nilai yang berada pada petak berwarna merah sebaris dengan kedua-dua pengangka dan penyebut yang telah dikenalpasti, iaitu 2 dan 3 pada lajur 1.
Langkah 3	Daripada nilai 2 dan 3 pada lajur 1, baca dan tentukan nilai yang berada sebaris dengan kedua-dua nilai tersebut.
Langkah 4	Nilai pada kedua-dua baris selain daripada 6 dan 9 dalam lajur 3 adalah pecahan setara bagi pecahan $\frac{6}{9}$. Jadi, pecahan setara bagi $\frac{6}{9}$ adalah $\frac{2}{3}$ dan $\frac{4}{6}$.

Pada kitaran 2, pengubahsuaian terhadap Kaedah Petak Sifir 5×5 telah dilakukan untuk memendekkan tempoh masa yang digunakan oleh responden untuk menyelesaikan soalan yang diberi. Pengubahsuaian dilakukan dengan menggunakan titik menggantikan warna merah pada lajur pertama, serta membuang petak bahagian kanan bawah yang nombornya telah melebihi nombor 10.

Jadual 4

Petak Sifir 5×5 yang diubahsuai

● 1	2	3	4	5
● 2	4	6	8	10
● 3	6	9		
● 4	8			
● 5	10			

Dalam kajian ini, saya menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Instrumen yang digunakan adalah lembaran kerja, senarai semak pemerhatian dan soalan temu bual. Ketiga-tiga kaedah tersebut mempunyai fungsi tersendiri iaitu analisis dokumen untuk mengukur penguasaan murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara, manakala pemerhatian dan temu bual pula untuk mengenal pasti keyakinan murid dalam kedua-dua kemahiran tersebut. Pada kitaran 2, kaedah pemerhatian digunakan untuk memerhati perubahan tempoh masa yang digunakan untuk menyelesaikan soalan.


Dalam analisis dokumen, responden perlu menjawab sekurang-kurangnya 5 soalan dengan betul untuk ditakrifkan sebagai menguasai kedua-dua kemahiran tersebut. Ini selaras dengan pernyataan Subadrah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal (2014), iaitu murid perlu menguasai 80% aras masteri yang ditetapkan dalam setiap unit pembelajaran sebelum beralih ke unit pembelajaran yang seterusnya. Bagi kaedah pemerhatian, data dianalisis melalui pengiraan kekerapan “Ya” dan “Tidak” daripada kriteria yang diperhatikan. Data temu bual ditranskrip dan dianalisis melalui kaedah pengkodan.

DAPATAN DAN REFLEKSI

Pencapaian Murid


Pencapaian murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara didapati melalui analisis lembaran kerja 1 dan lembaran kerja 2. Rajah 5 menunjukkan hasil analisis data bagi kemahiran pecahan bentuk termudah manakala Rajah 6 menunjukkan hasil analisis data bagi kemahiran pecahan setara.

Rajah 5. Bilangan soalan bagi kemahiran pecahan bentuk termudah yang dijawab dengan betul oleh setiap responden



Dapatan menunjukkan bahawa lapan orang responden, iaitu R1, R2, R4, R5, R6, R7, R8, R9 dapat menjawab kesemua enam soalan dengan betul, manakala R3 menjawab lima soalan dengan betul dalam lembaran kerja 2. Oleh itu, semua responden telah menguasai kemahiran pecahan bentuk termudah dengan menjawab sekurang-kurangnya lima soalan dengan betul dalam lembaran kerja 2.

Rajah 6. Bilangan soalan bagi kemahiran pecahan setara yang dijawab dengan betul oleh setiap responden



Dapatan menunjukkan bahawa semua responden dapat menjawab kesemua enam soalan dengan betul dalam lembaran kerja 2. Jadi, semua responden telah menguasai kemahiran pecahan setara dalam lembaran kerja 2.

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian seperti yang ditunjukkan, maka dapat disimpulkan bahawa penggunaan Kaedah Petak Sifir 5×5 dapat membantu murid menguasai kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara. Dapatan ini telah disokong oleh hasil kajian positif yang diperolehi dalam kajian Fadzillah Ashari (2013) dan Salwani Gani (2015).

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh responden sebelum mencapai prestasi tersebut. Pada mulanya, R9 hanya berjaya untuk menjawab 1 soalan dengan betul dalam lembaran kerja 1 bagi kemahiran pecahan bentuk termudah kerana responden ini

tidak merujuk kepada petak sifir semasa menjawab soalan. Rajah 7 menunjukkan contoh hasil kerja R9 dalam lembaran kerja 1. Justeru, lembaran kerja 1 yang baru diberikan semula kepadanya dengan syarat menjawab soalan-soalan tersebut dengan berpandukan kepada petak sifir 5×5 . Hasilnya, R9 dapat menjawab kesemua soalan dengan betul dalam lembaran kerja 1 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8 dan mencapai prestasi yang sama dalam lembaran kerja 2.

Rajah 7. Contoh hasil kerja R9 dalam lembaran kerja 1

$$3) \quad \frac{4}{6} = \frac{1}{24}$$

$$4) \quad \frac{6}{10} = \frac{1}{10}$$

Rajah 8. Contoh hasil kerja R9 dalam lembaran kerja 1 yang dibuat semula

$$3) \quad \frac{4}{6} = \frac{2}{3}$$

$$4) \quad \frac{6}{10} = \frac{3}{5}$$

Selain itu, R3 hanya berjaya untuk menjawab 3 soalan pecahan setara dalam lembaran kerja 1. Rajah 9 menunjukkan hasil kerja R3 dalam lembaran kerja 1. Sebagai tindakan yang selanjutnya, sebab kegagalan R3 telah dikenalpasti dan didapati faktor kecuaiian berlaku semasa menjawab soalan. Jadi, lembaran kerja 1 diberikan semula kepada R3 untuk dijawab semula. Hasilnya, R3 dapat menjawab kesemua soalan dengan betul dalam lembaran kerja 1 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10 dan mencapai prestasi yang sama dalam lembaran kerja 2.

Rajah 9. Hasil kerja R3 dalam lembaran kerja 1

$$1) \quad \frac{1}{2} = \left(\frac{2}{4} \cdot \frac{3}{9} \cdot \frac{4}{8} \right)$$

$$3) \quad \frac{2}{3} = \left(\frac{3}{6} \cdot \frac{4}{6} \cdot \frac{6}{9} \right)$$

Rajah 10. Hasil kerja R3 dalam lembaran kerja yang dibuat semula.

$$1) \quad \frac{1}{2} = \left(\frac{2}{4} \cdot \frac{3}{9} \cdot \frac{4}{8} \right)$$

$$3) \quad \frac{2}{3} = \left(\frac{3}{6} \cdot \frac{4}{6} \cdot \frac{6}{9} \right)$$

Keyakinan Murid

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis senarai semak pemerhatian ke atas keyakinan murid terhadap penggunaan Kaedah Petak Sifir 5×5 dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara.

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat 9 kekerapan “Ya” yang dicapai untuk semua kriteria pemerhatian bagi kemahiran pecahan bentuk termudah dalam lembaran kerja 2. Begitu juga dengan kemahiran pecahan setara yang turut memperoleh dapatan yang serupa.

Seterusnya, bagi kaedah temu bual, saya membuat analisis untuk kesemua lima soalan temu bual berdasarkan transkrip temu bual melalui kaedah pengkodan. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis transkrip dengan menggunakan kaedah pengkodan.

Jadual 5

Hasil analisis senarai semak pemerhatian untuk kemahiran pecahan bentuk termudah

Bil	Kriteria	Kekerapan "Ya" daripada 9 orang responden			
		Pecahan Bentuk Termudah		Pecahan Setara	
		LK1	LK2	LK1	LK2
1.	Murid-murid dapat menyelesaikan lembaran kerja dengan cepat dan tepat. (Dalam tempoh 5 minit untuk lembaran kerja 1 dan dalam tempoh 7 minit untuk lembaran kerja 2)	9	9	9	9
2.	Murid-murid tidak berasa ragu-ragu semasa menggunakan petak sifir 5×5 .	9	9	9	9
3.	Murid-murid menjawab tanpa meminta bantuan daripada guru.	9	9	9	9
4.	Murid-murid tidak menanya rakan atau meniru semasa menjawab soalan dalam lembaran kerja.	9	9	9	9
5.	Hasil kerja murid yang kemas dan bersih.	9	9	9	9

Jadual 6

Hasil analisis transkrip temu bual.

Bil	Soalan Temu Bual	Maklum Balas		
		Kod 1	Kod 2	Kod 3
1.	Adakah anda berasa lebih mudah untuk mempermudah pecahan apabila menggunakan petak sifir 5×5 ?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9	-	-
2.	Adakah anda berasa lebih mudah untuk mencari pecahan setara dengan menggunakan petak sifir 5×5 ?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9	-	-
3.	Adakah anda akan memperkenalkan kaedah ini kepada rakan anda?	R1, R2, R4, R5, R6, R7, R8	-	R3, R9
4.	Adakah anda berasa yakin dengan jawapan anda setelah menggunakan kaedah ini?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9	-	-
5.	Adakah anda akan menggunakan kaedah petak sifir 5×5 untuk menjawab soalan pecahan bentuk termudah dan pecahan setara pada masa lain?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9	-	-


Berdasarkan Jadual 6, kod 1 adalah maklum balas positif, kod 2 adalah maklum balas negatif, manakala kod 3 adalah maklum balas neutral. Dapatan menunjukkan kesemua responden memperoleh kod 1 untuk soalan 1, 2, 4, dan 5, manakala terdapat lima responden mendapat kod 1 dan dua responden mendapat kod 3 untuk soalan 3.

Melalui kaedah pemerhatian, semua responden telah menunjukkan maklum balas yang positif bagi setiap kriteria yang ditetapkan. Hasil analisis data temu bual dalam Jadual 6 pula menunjukkan maklum balas yang positif daripada responden pada semua soalan yang dikemukakan kecuali R3 dan R9 yang menunjukkan ketidakpastian dalam soalan 3. Namun, mereka telah menyatakan bahawa mereka akan memperkenalkan kaedah tersebut kepada rakan-rakan sekiranya mereka mengetahui cara untuk mengajar rakan-rakan mereka. Berpandukan kepada dapatan kajian yang positif, dirumuskan bahawa Kaedah Petak Sifir 5×5 telah meningkatkan keyakinan murid dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara.

Tempoh Masa


Data bagi tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan lembaran kerja 2 dan 3 dikenalpasti melalui pemerhatian dan masing-masing dicatatkan sebagai masa 1 dan 2. Responden perlu membina petak sifir 5×5 semasa menyiapkan lembaran kerja 2 dan membina petak sifir 5×5 yang diubahsuai semasa menyiapkan lembaran kerja 3. Rajah 11 dan Rajah 12 menunjukkan tempoh masa yang diperlukan oleh responden dan dipersembahkan dalam bentuk carta palang.

Rajah 11. Tempoh masa yang diperlukan oleh responden dalam kemahiran pecahan bentuk termudah



Dapatan menunjukkan kesemua responden telah berjaya memendekkan tempoh masa dalam lembaran kerja 3 bagi kemahiran pecahan bentuk termudah.

Rajah 12. Tempoh masa yang diperlukan oleh responden dalam kemahiran pecahan setara



Dapatan menunjukkan kesemua responden telah berjaya memendekkan tempoh masa dalam lembaran kerja 3 bagi kemahiran pecahan setara.

Berdasarkan Rajah 11 dan Rajah 12, semua responden telah berjaya memendekkan masa yang diperlukan oleh mereka dalam menyiapkan lembaran kerja 3 berbanding dengan lembaran kerja 2 dengan adanya pengubahsuaian dibuat pada petak sifir 5×5 . Jadi, saya dapat merumuskan bahawa penambahbaikan yang dilakukan dalam kitaran 2 berjaya untuk memendekkan tempoh masa yang diperlukan oleh responden dalam penyelesaian soalan kemahiran pecahan bentuk termudah dan pecahan setara.

PENUTUP

Saya mencadangkan supaya jalur-jalur setiap baris pada petak sifir 5×5 direka khas supaya boleh dipindah (*removable*) mengikut kesesuaian sepanjang pelaksanaan kaedah ini. Secara kesimpulannya, perubahan amalan pengajaran dalam kemahiran pecahan bentuk termudah dan kemahiran pecahan setara dengan menggunakan Kaedah Petak Sifir 5×5 telah meningkatkan penguasaan murid dalam kedua-dua kemahiran tersebut dan meningkatkan keyakinan murid semasa menjawab soalan.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum standard sekolah rendah Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Cathy, C.M., Anna, J., Manuel, S. & Cynthia, T. (2010). *Big ideas from dr small: Creating a comfort zone for teaching mathematics*. Toronto: Nelson Education Ltd.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd..
- Fadzillah Ashari. (2013). *Meningkatkan kefahaman dan kemahiran murid dalam pecahan setara dan pecahan bentuk termudah menggunakan petak sifir*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Mohd Sabri Mura. (2012). *Meningkatkan kemahiran mempermudah pecahan kepada bentuk termudah dengan menggunakan kotak sifir*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Reys, R., Lindquist, M., Lambdin, D. & Smith, N. (2015). *Helping children in mathematics*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Salwani Gani. (2015). *Penggunaan petak sifir bagi membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran menulis pecahan setara*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Shamsina Shansuddin. (2014). *Panduan melaksanakan kajian tindakan di sekolah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon Sdn. Bhd.
- Subadrah Madhawa Nair & Sakunthala Devi Gopal. (2014). Kesan penggunaan kaedah pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan minat pelajar dalam mata pelajaran pengajian am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol. 29, 55 – 80.
- Wong Chu Yew. (2011). Penggunaan lipatan kertas dalam membantu murid tahun empat menguasai konsep pecahan setara. *Koleksi penyelidikan tindakan PISMP MT Ambilan Januari 2008*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

*Jabatan Matematik
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: zhiyingphor@gmail.com, luchungchin@gmail.com*

PENGGUNAAN “LeSiMa” DALAM PENGUASAAN PENDARABAN MELIBATKAN NOMBOR DUA DIGIT BAGI MURID TAHUN 5

LAI SZE MAY dan LU CHUNG CHIN

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit, dan hasil darabnya hingga 1 000 000 dengan menggunakan “LeSiMa”. “LeSiMa” direka untuk membantu murid dalam mengenal pasti nilai tempat bagi hasil darab yang dikirakan dalam bentuk lazim, dengan cara menutupkan digit-digit yang tidak berkenaan buat sementara waktu sehingga digit yang didarabkan telah selesai pengiraannya. Model Kurt Lewin dijadikan panduan dalam merancang pelan tindakan ini. Responden kajian terdiri daripada tujuh orang murid yang dikenalpasti melalui prestasi murid pada latihan yang diberikan. Data dikumpul melalui kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data dari analisis dokumen dianalisis berdasarkan konsep pembelajaran mastery, manakala kekerapan “Ya” dalam pemerhatian dikirakan. Hasil temu bual dianalisis berdasarkan bilangan respon positif untuk mengenal pasti persepsi murid terhadap penggunaan “LeSiMa”. Selepas Kitaran 1, pengubahsuaian telah dibuat ke atas “LeSiMa”. Kadbod khas berbentuk “L” ditambahkan dengan lubang berbentuk bujur sebagai peringatan untuk menuliskan digit “0”. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan “LeSiMa” membantu responden menguasai pendaraban melibatkan nombor dua digit. Responden juga menunjukkan persepsi yang positif terhadap penggunaan “LeSiMa”. Seterusnya, “LeSiMa” dicadangkan penggunaannya dalam kemahiran menolak yang melibatkan pengumpulan semula.

Kata kunci: “LeSiMa”, pendaraban bentuk lazim, murid Tahun 5

ABSTRACT

This action research was carried out to help Year 5 pupils in mastering the skill of multiplying any numbers with two digit number, with the product of multiplication up to 1 000 000 using “LeSiMa”. “LeSiMa” was designed to help the pupils in identifying the place value of the product calculated in common form, by covering the irrelevant digits temporarily until the calculation for the digits multiplied was done. Kurt Lewin Model was used as a guide in designing the action plan. The respondents consist of seven Year 5 pupils identified through pupils’ performance on the exercise given. Data was collected through document analysis, observations and interviews. Data from document analysis were analysed based on the concept of mastery learning, while frequency of “Yes” in observations were counted. The outcome of the interviews were analysed based on the frequency of positive response to identify pupils’ perception on the use of “LeSiMa”. After Cycle 1, modification was done on “LeSiMa”. The L-shaped cardboard was added with an oval area as a reminder to write the digit “0”. Research findings showed that the use of “LeSiMa” helps the respondents in mastering multiplication involving two-digit-number. Respondents also indicated positive perception of the use of “LeSiMa”. Next, “LeSiMa” is proposed to be used on the skill of subtraction involving regrouping.

Keywords: “LeSiMa”, common form of multiplication, Year 5 pupils

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan kurikulum terkini yang sedang dilaksanakan bagi semua mata pelajaran di sekolah rendah. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan II Tahun 2010, KSSR digunakan mulai tahun 2011 untuk Tahap Satu. Selain itu, KSSR untuk Tahap Dua dilaksanakan secara berperingkat mulai

tahun 2014 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2013, 2013). Bagi kedua-dua tahap ini, KSSR Matematik menetapkan bidang Nombor dan Operasi sebagai bidang pembelajaran pertama dan melibatkan empat operasi asas, iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Sifat-sifat nombor dan operasi asas merupakan pengetahuan asas dalam Matematik. Oleh itu, murid perlu menguasai operasi asas secara bermakna supaya tidak menghadapi kesukaran semasa mempelajari bidang-bidang pembelajaran yang seterusnya.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam Praktikum Fasa 3, pengkaji mengajar kemahiran mendarab sebarang nombor dengan nombor hingga dua digit dan hasil darabnya hingga 1 000 000. Murid berjaya menguasai pendaraban sebarang nombor dengan nombor satu digit, namun murid menghadapi kekangan untuk menyelesaikan pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit. Daripada Rajah 1, murid berjaya untuk memperoleh hasil darab yang tepat. Namun, murid terlupa untuk meletakkan sifar “0” pada nilai tempat “sa” untuk hasil darab yang kedua. Pengkaji menerapkan konsep “*scaffolding*” dalam Teori Vygotsky, di mana interaksi dan komunikasi akan membantu murid menyusun konsep baru secara sistematik dan bermakna dengan bantuan individu yang lebih mahir (Haliza Hamzah, Samuel & Rafidah Kastawi, 2008). Pengkaji menggalakkan murid yang telah menguasai kemahiran pendaraban untuk memberi tunjuk ajar kepada murid yang masih kurang mahir.

Rajah 1. Kesilapan murid dalam soalan pendaraban

$$\begin{array}{r}
 \textcircled{2} \quad 10207 \times 24 = 61242 \\
 \begin{array}{r}
 10207 \\
 \times 24 \\
 \hline
 40828 \\
 +20414 \\
 \hline
 61242
 \end{array}
 \end{array}$$

Tertinggal digit "0"

FOKUS KAJIAN

Baharin Shamsudin (1994) menyatakan “darab” sebagai tindakan mengalikan nombor. Pengkaji berusaha untuk mendapat cara atau strategi yang lebih sesuai dan berkesan untuk membantu murid Tahun 5 dalam penguasaan pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit. Christine Jane Ridios (2013), Lim Ai Giok (2015) dan Leong Chew Yen (2015) telah menjalankan kajian untuk membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit dan menghasilkan peningkatan pencapaian murid. Ketiga-tiga kajian ini memberi fokus kepada bentuk lazim. Penggunaan bentuk lazim (Rajah 2) merupakan cara penyelesaian operasi asas yang utama dalam buku teks KSSR bagi mata pelajaran Matematik. Namun, sebahagian murid yang lemah gagal menguasai teknik penggunaan bentuk lazim dengan baik.

Terdapat kajian yang menggunakan teknik lain selain daripada penggunaan bentuk lazim sebagai satu alternatif kepada penguasaan kemahiran pendaraban. Antaranya ialah kajian oleh Leong Chew Yen (2015) yang menggunakan bahan bantu belajar (BBB). Namun begitu, kajiannya belum mencapai hasil yang sempurna. Walau bagaimanapun, pengkaji yakin bahawa kaedah ini merupakan satu alternatif yang berkesan dalam pembelajaran murid-murid memandangkan terdapatnya bahan bantu belajar sebagai bahan konkrit yang membolehkan murid-murid belajar sambil bertindak. Ini bertepatan dengan pandangan bahawa pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dengan membuat atau *doing*

(John, 1994, seperti yang dinyatakan dalam Fan, 2006). Pengkaji mengambil keputusan untuk menghasilkan BBB yang diberi nama “LeSiMa” dengan maksud belajar Matematik dengan mudah (“*Learn Simple Maths*”). “LeSiMa” yang dihasilkan membantu murid untuk mengenal pasti nilai tempat bagi hasil pendaraban yang telah dikirakan. Murid-murid menuliskan bentuk lazim pada papan utama dan menggunakan kadbod khas untuk menutupkan digit-digit yang tidak berkenaan buat sementara waktu sehingga digit yang didarabkan telah selesai pengiraannya. Murid-murid diberi peluang untuk menyentuh bahan bantu belajar dan bukan sekadar mendengar dan melihat pengajaran pengkaji sahaja. Dengan penghasilannya “LeSiMa”, pengkaji juga mengambil inisiatif untuk mengetahui persepsi murid terhadapnya, iaitu gambaran dan tanggapan dalam pemikiran murid (Kamus Dewan Ed. ke-4, 2010).

Rajah 2. Bentuk lazim dalam buku teks Matematik Tahun 5

	万	千	百	十	个	
×		1	2	2	5	
				3	6	
		7	3	5	0	6×1225
+	3	6	7	5	0	30×1225
	4	4	1	0	0	

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Penyelidikan tindakan ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu:

- Membantu murid Tahun 5 untuk meningkatkan penguasaan terhadap pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit melalui penggunaan “LeSiMa”.
- Mengenal pasti persepsi murid Tahun 5 terhadap penggunaan “LeSiMa”.

Penyelidikan tindakan dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian:

- Adakah penggunaan “LeSiMa” dapat membantu murid Tahun 5 untuk meningkatkan penguasaan terhadap pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit?
- Apakah persepsi murid Tahun 5 terhadap penggunaan “LeSiMa”?

KUMPULAN SASARAN


Responden kajian tindakan ini terdiri daripada tujuh orang murid Tahun 5 dari sebuah sekolah di kawasan Miri. Mereka telah menguasai kemahiran pendaraban melibatkan nombor satu digit dan operasi tambah sebagai pengetahuan sedia ada, tetapi lemah dalam pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit. Responden tersebut dikenalpasti melalui semakan latihan yang diedarkan setelah proses pengajaran dan pembelajaran berkenaan dijalankan dalam kelas. Mereka menunjukkan prestasi akademik yang lemah dalam latihan tersebut.

TINDAKAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan berdasarkan model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) yang merangkumi lima langkah, iaitu mengenal pasti aspek amalan, merancang,


tindakan atau implementasi, melihat kesan tindakan dan refleksi (Bahagian Pendidikan Guru, 2002; Noraini Idris, 2010; Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong, 2013). “LeSiMa” yang dihasilkan dalam Kitaran 1 (K1) terdiri daripada dua komponen, iaitu papan utama dan kadbod khas berbentuk “L”. Papan utama telah dilukiskan dengan petak-petak yang sama saiz dan cukup untuk pengiraan Matematik di peringkat sekolah rendah. Papan utama digunakan untuk pengiraan dalam bentuk lazim. Papan tersebut dibalut dengan pembalut buku untuk membolehkannya diguna semula selepas tulisan padanya dipadamkan. Kadbod khas berbentuk “L” digunakan untuk menutupi digit-digit yang tidak berkaitan buat sementara waktu. Sebuah bukaan berbentuk segi empat dipotong daripada bahagian tengah kadbod khas untuk menunjukkan digit yang perlu diambil kira dalam setiap proses pendaraban.






Rajah 3. “LeSiMa” sebelum dan selepas pengubahsuaian



Pengkaji mengesan kesukaran yang dihadapi oleh responden semasa menggunakan “LeSiMa” dan didapati mereka masih terlupa untuk meletakkan digit “0” pada nilai tempat “sa” bagi hasil darab yang kedua. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat melakukan pendaraban dengan tepat. Oleh itu, pengkaji mengubahsuaikan “LeSiMa” dengan mendahulukan penulisan digit “0” pada nilai tempat “sa” dan diikuti oleh pengiraan hasil darab yang kedua. Kadbod khas berbentuk “L” tersebut telah ditambahkan dengan satu bukaan berbentuk bujur pada hujung bawah kadbod tersebut (Rajah 3). Bukaan tersebut membolehkan pengguna menuliskan digit “0” apabila diperlukan. Bentuk bukaan yang bujur seiras dengan bentuk digit “0” berfungsi sebagai peringatan yang penting. Langkah-langkah menggunakan “LeSiMa” selepas pengubahsuaian ditunjukkan dalam Rajah 4.

Rajah 4. Langkah-langkah penggunaan “LeSiMa” dalam K2



<p>3) Mendarabkan nombor yang didarab dengan digit nilai tempat “sa” bagi nombor pendarab.</p> 	<p>4) Memindahkan kadbod khas ke kedudukan kedua dan hanya menunjukkan digit nilai tempat “pu” bagi nombor pendarab.</p> 
<p>5) Meletakkan “0” dalam bukaan yang berbentuk bujur, iaitu nilai tempat “sa” bagi hasil darab yang kedua.</p> 	<p>6) Mendarabkan nombor yang didarab dengan digit nilai tempat “pu” bagi nombor pendarab.</p> 
<p>7) Mengalihkan kadbod khas, menulis simbol “+” dan menambahkan kedua-dua hasil darab.</p> 	

Tiga kaedah pengumpulan data digunakan iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam analisis dokumen, murid perlu menguasai sekurang-kurangnya 80% aras masteri yang ditetapkan setiap unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baru (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Responden perlu menjawab sekurang-kurangnya empat soalan daripada lima soalan yang dikemukakan dengan tepat untuk dikategorikan sebagai sudah menguasai kemahiran yang diuji. Pengkaji merancang pemerhatian berstruktur serta menggunakan senarai semak pemerhatian untuk mengenal pasti penguasaan “LeSiMa” oleh responden. Responden yang mencapai kekerapan “Ya” bagi kesemua sembilan perkara yang diperhatikan bererti telah menguasai penggunaan “LeSiMa” dan seterusnya membantu penguasaan mereka terhadap pendaraban. Pemerhatian dengan senarai semak yang sama dilaksanakan untuk kedua-dua kitaran.

Data dari temu bual separa berstruktur ditranskripsikan dan dienkodkan mengikut kategori kod yang telah ditetapkan. Daripada empat soalan utama yang dikemukakan,


responden yang memberi respon positif bagi sekurang-kurangnya tiga soalan dikatakan mempunyai persepsi yang baik terhadap penggunaan “LeSiMa”.

DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN


Penguasaan Pendaraban Nombor hingga Lima Digit dengan Nombor Dua Digit

Berdasarkan ujian pencapaian, UP, didapati empat orang responden (R2, R4, R5 dan R6) dapat menguasai kemahiran mendarab dengan menggunakan “LeSiMa” dalam K1 (Rajah 5) manakala tiga orang responden (R1, R3 dan R7) dilanjutkan ke K2 dan telah menunjukkan peningkatan dalam penguasaan pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit (Rajah 6).

Rajah 5. Bilangan soalan yang dijawab betul dalam K1



Rajah 6. Bilangan soalan yang dijawab betul dalam K2



Dalam pemerhatian, empat orang responden (R2, R4, R5 dan R6) telah menguasai penggunaan “LeSiMa” untuk menjawab soalan pendaraban dalam K1, manakala tiga orang responden (R1, R3 dan R7) mencapai penguasaan dalam K2. Pada akhir K2, semua responden telah menguasai penggunaan “LeSiMa” dalam pendaraban yang melibatkan nombor dua digit (Jadual 1).

Jadual 1

Hasil pemerhatian dalam K1 dan K2

Responden	K1		K2	
	Kekerapan “Ya”	Penguasaan	Kekerapan “Ya”	Penguasaan
R1	7	Belum menguasai	9	Menguasai
R2	9	Menguasai	-	-
R3	7	Belum menguasai	9	Menguasai
R4	9	Menguasai	-	-
R5	9	Menguasai	-	-
R6	9	Menguasai	-	-
R7	7	Belum menguasai	9	Menguasai

Responden menunjukkan tahap penguasaan yang baik dalam UP1 selepas menggunakan “LeSiMa” kerana mereka telah berkemampuan untuk menjawab soalan pendaraban yang melibatkan nombor dua digit. Responden yang belum mencapai tahap penguasaan yang baik dalam K1 adalah berkemungkinan disebabkan kadar perkembangan kognitif adalah berbeza walaupun terdapat kecenderungan am yang sama dalam kalangan mereka yang sedang menjalani proses pembelajaran (Wikipedia, 2013). Mereka memerlukan bimbingan daripada rakan sebaya dan penerangan yang berulang kali daripada pengkaji. Mereka juga selalu tertinggal langkah-langkah tertentu semasa menjawab soalan. Tambahan lagi, mereka memerlukan masa yang lebih panjang dalam proses pembelajaran.

Selepas pengubahsuaian, didapati ketiga-tiga responden menunjukkan peningkatan tahap penguasaan dan mencapai prestasi yang baik. “LeSiMa” yang diubahsuai dan penyusunan semula langkah penggunaan membolehkan responden mengikuti langkah pendaraban semasa menggunakan “LeSiMa”. Secara beransur-ansur, responden dapat menjawab soalan pendaraban dalam bentuk lazim tanpa bergantung kepada penggunaan “LeSiMa” lagi. Kaedah pengajaran yang menitikberatkan pemisahan nilai tempat dalam bentuk lazim mengelakkan kekeliruan murid semasa mengira, selaras dengan hasil kajian Christine Jane Ridos (2013) dan Lim Ai Giok (2015). Kesimpulannya, “LeSiMa” dapat membantu untuk meningkatkan penguasaan murid dalam pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit, selaras dengan hasil kajian Leong Chew Yen (2015).

Persepsi Murid terhadap Penggunaan “LeSiMa”

Respon dari responden dalam kedua-dua kitaran dienkodkan dan dijadualkan dalam Jadual 2. Melalui temu bual dalam K1, enam orang responden menunjukkan persepsi baik terhadap penggunaan “LeSiMa” manakala R1 memberi persepsi memuaskan terhadapnya (Jadual 3). Dengan itu, R1 dilanjutkan ke K2 sementara R3 dan R7 dilanjutkan ke K2 atas penguasaan mereka yang lemah dalam pendaraban. Ketiga-tiga orang responden (R1, R3 dan R7) memberi persepsi yang baik pada akhir K2 (Jadual 4).

Jadual 2

Analisis skrip temu bual dalam K1 dan K2

Soalan Temu Bual	Respon			
	K1		K2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
1. Adakah “LeSiMa” mudah digunakan?	R2, R3, R4, R5, R6, R7	R1	R1, R3, R7	-
2. Adakah “LeSiMa” membantu anda dalam menyelesaikan soalan pendaraban? Kenapa?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	-	R1, R3, R7	-
3. Adakah anda lebih yakin menjawab soalan pendaraban dengan menggunakan “LeSiMa”?	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7	-	R1, R3, R7	-
4. Adakah anda lebih berminat dengan pendaraban?	R3, R4, R5, R6	R1, R2, R7	R1, R3	R7

Kod: 1. Respon positif, 2. Respon negatif

Jadual 3

Persepsi responden dalam K1

Responden	Bilangan Soalan yang Diberi Respon Positif	Persepsi
R1	2	Memuaskan
R2	3	Baik
R3	4	Baik
R4	4	Baik
R5	4	Baik
R6	4	Baik
R7	3	Baik

Jadual 4

Persepsi responden dalam K2

Responden	Bilangan Soalan yang Diberi Respon Positif	Persepsi
R1	4	Baik
R3	4	Baik
R7	3	Baik

Melalui temu bual yang dijalankan selepas ujian pencapaian, persepsi terhadap penggunaan “LeSiMa” adalah baik bagi empat orang responden dalam K1 dan tiga orang responden lagi dalam K2. Responden suka menggunakan “LeSiMa” untuk menjawab soalan kerana ianya tidak rumit untuk dikendalikan. Responden hanya perlu menulis bentuk lazim pendaraban seperti biasa dan memindahkan kadbod khas sekali-sekala. Responden gemar melakukan pengiraan sendiri pada “LeSiMa” kerana tulisan mudah dipadamkan apabila tersilap tulis. Selain itu, responden bersetuju bahawa “LeSiMa” membantu mereka dalam menyelesaikan soalan pendaraban. Mereka sentiasa ingat untuk menuliskan digit “0” pada kedudukan yang tepat berpandukan kadbod khas yang menutupi digit-digit lain yang tidak berkaitan pada masa-masa tertentu. “LeSiMa” membantu untuk melahirkan keyakinan dalam diri responden untuk menjawab soalan pendaraban kerana mereka mempunyai gambaran yang jelas dalam ingatan mereka. Mereka berani untuk mencuba soalan pendaraban yang lebih sukar dan berminat untuk menjawab soalan kerana mereka telah menguasai langkah-langkah penting dalam “LeSiMa”.

PENUTUP

Selain pendaraban yang melibatkan dua nombor bulat, “LeSiMa” dicadangkan untuk digunakan dalam penyelesaian soalan pendaraban yang melibatkan nombor perpuluhan dengan nombor dua digit. Murid-murid mengalami masalah tidak dapat menentukan tempat titik perpuluhan selepas pendaraban dijalankan (Aida Suraya Haji Mohd. Yunus, 2001). Langkah penggunaan “LeSiMa” dan kedudukan kadbod khas adalah sama seperti yang diterangkan dalam Rajah 4, dengan penambahan langkah meletakkan titik perpuluhan mengikut petak-petak dalam “LeSiMa”. Selain itu, “LeSiMa” juga boleh digunakan dalam pendaraban yang melibatkan nombor tiga digit atau lebih. Kadbod khas perlu dipanjangkan supaya dapat digunakan untuk bentuk lazim yang lebih panjang. Kadbod khas yang diubahsuai perlu fleksibel dan sesuai untuk digunakan secara meluas untuk pengiraan pendaraban yang pelbagai.

Pengkaji juga mencadangkan penggunaan “LeSiMa” dalam topik penolakan. Penolakan dengan mengumpul semula sukar untuk dikuasai oleh murid, lebih-lebih lagi kurikulum KSSR merangkumi penolakan hingga 1 000 000 dalam Tahun Lima (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Murid-murid melakukan kesilapan seperti tidak mengumpul semula dan susunan digit yang tidak tersusun mengikut nilai tempat (Clements, Sarama & DiBiase, 2004). Murid juga keliru semasa membuat langkah penyelesaian yang banyak untuk mendapatkan jawapan (Shivaraj Subramaniam, 2016). Keadaan ini seiras dengan penyelesaian pendaraban yang melibatkan nombor dua digit, di mana murid menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang melibatkan nombor yang mempunyai banyak nilai tempatnya.

Kajian ini mencapai objektifnya dalam usaha membantu murid menguasai pendaraban nombor hingga lima digit dengan nombor dua digit melalui penggunaan “LeSiMa” dengan bukti murid-murid dapat menjawab soalan pendaraban dengan betul. Persepsi murid-murid terhadap penggunaan “LeSiMa” adalah baik di mana mereka lebih berminat dan berkeyakinan dalam menjawab soalan pendaraban. Pengkaji perlu sentiasa peka dengan keperluan murid dalam pembelajaran. Dalam kajian tindakan ini, pengkaji telah mengaplikasikan strategi menaakul secara mantik, iaitu memecahkan soalan yang rumit kepada bahagian yang lebih mudah dan menyelesaikan bahagian yang lebih mudah terlebih dahulu sebelum menyelesaikan soalan asal yang lebih rumit (Effandi Zakaria, Norazah Mohd Nordin & Sabri Ahmad, 2007). Dengan ini, murid dapat memahami setiap bahagian kecil dalam soalan dan mendapat gambaran yang jelas tentang keseluruhan soalan.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2002). *Garis panduan kursus Penyelidikan Tindakan untuk Maktab/Institut Perguruan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharin Shansudin (1994). *Kamus Matematik bergambar sekolah rendah*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Christine Jane Ridos. (2013). *Penggunaan bentuk lazim dengan garis pemisah nilai tempat dalam membantu murid menyelesaikan soalan pendaraban*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Clements, D. H., Sarama, J. & DiBiase, A. M. (2004). *Engaging young children in Mathematics: standards for early childhood Mathematics education*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Effandi Zakaria, Norazah Mohd Nordin & Sabri Ahmad. (2007). *Trend pengajaran dan pembelajaran Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Fan, S. P. (2006). Mathematical modeling dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di sekolah-sekolah menengah daerah Besut Terengganu. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPSMB 2006*. Terengganu: Institut Perguruan Sultan Mizan, Besut, Terengganu, 90-109.
- Haliza Hamzah, Samuel, J. N. & Rafidah Kastawi. (2008). *Perkembangan kanak-kanak*. Selangor Darul Ehsan: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Ed. ke-4*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laidlaw, M. J. (1992). *Action research: a guide for use on initial teacher education programmes*. Portland, Oregon, USA: Justine Hocking.
- Leong Chew Yen. (2015). *Membantu murid dalam mendarab nombor tiga digit dengan nombor dua digit menggunakan bahan bantu belajar*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Lim Ai Giok. (2015). *Membantu murid mendarab sebarang nombor dengan 2 digit nombor dengan penggunaan Teknik Tiang*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Penerbitan McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Pembelajaran masteri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shivaraj Subramaniam. (2016). Penggunaan kaedah 'Ladder' dalam meningkatkan kemahiran mengira operasi menolak terhadap pelajar Tahun Empat. *e-Proceeding of the Social Sciences Research (ICSSR 2016)*. July 18-19. Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 209-217.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan II Tahun 2010*. (2010, 14 Oktober). Putrajaya.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2013*. (2013, 16 Disember). Putrajaya.
- Teori pembelajaran dan pengajaran. (2013, Disember 29). Dalam Wikipedia. Diperoleh dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Teori_pembelajaran_dan_pengajaran
- Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

*Jabatan Matematik
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: lsmay0212@hotmail.com, luchungchin@gmail.com*

PENGGUNAAN KOTAK PECAHAN DALAM PENGUASAAN KEMAHIRAN PENAMBAHAN PECAHAN

TAN BOON HUA dan HAMDEN GANI

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid-murid Tahun 4 meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penambahan pecahan. Penyelidikan tindakan ini dijalankan berpandukan Model Kemmis dan McTaggart. Lima orang murid dari sebuah sekolah rendah di kawasan Miri dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini memfokuskan penggunaan Kotak Pecahan dalam menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penambahan pecahan. Data dikumpul melalui tiga teknik iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data analisis dokumen dianalisis berdasarkan bilangan soalan dijawab betul dalam lembaran kerja, manakala data pemerhatian dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku yang dikenalpasti melalui senarai semak pemerhatian semasa menjawab lembaran kerja. Data temu bual ditranskrip dan dikodkan mengikut tema yang ditetapkan. Dapatan kajian ini menunjukkan perubahan amalan yang dipilih oleh penyelidik dapat membantu murid menguasai kemahiran penambahan pecahan.

Kata kunci: Kotak pecahan, penambahan pecahan, murid Tahun 4

ABSTRACT

This action research was conducted to help Year 4 pupils in mastering the skills of addition for fraction. This action research was carried out based on Kemmis and McTaggart Model. Five pupils from a primary school in miri was selected as respondents. This research focus on improving teaching and learning process of addition for fraction by using "Kotak Pecahan". Data was collected using three technics namely document analysis, observation and interview. Data from the documents were analyzed based on the number of correct answer, while data from the observations wered analyzed based on the frequency of behaviors which were identified from the checklist. The outcome of the interviews were transcribed and coded according to the theme. The results showed that the changes in the practice can help students to improve their skills of additon of fraction.

Keywords: Kotak pecahan, addition of fraction, Year 4 pupils

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) matematik memberi keutamaan kepada pengetahuan, pemahaman dan penguasaan bagi membolehkan murid mengaplikasikan konsep, prinsip dan proses matematik yang dipelajari. Berdasarkan Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik, tajuk "Pecahan" ditekankan dari Tahun 2 hingga Tahun 6. Topik pecahan merupakan salah satu topik yang amat sukar difahami oleh murid. Menurut Julie dan Meghan (2010), adalah sukar untuk membolehkan murid memahami konsep pecahan yang kompleks dan menggunakan konsep pecahan secara mendalam dan fleksible. Oleh itu, guru harus membantu murid dari segi penguasaan pecahan bermula dari pengoperasian penambahan.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa menjalani sesi praktikum fasa III, penyelidik telah mengajar topik pecahan Tahun 4 dalam operasi penambahan. Penyelidik menggunakan kaedah yang terdapat di

dalam buku teks Matematik Tahun 4. Daripada hasil kerja murid, penyelidik mendapati terdapat kesilapan yang dibuat oleh murid apabila penambahan pecahan melibatkan penyebut tak sama. Murid boleh mencari gandaan sepunya terkecil untuk kedua-dua penyebut pecahan tetapi tidak melakukan pendaraban untuk pengangkanya (Marian Small, 2014; Siti Farah Idayu, 2015). Rajah 1 dan Rajah 2 merupakan dua contoh kesilapan yang dilakukan oleh murid dalam penambahan pecahan melibatkan penyebut yang tak sama.

Rajah 1. Contoh 1 kesilapan penambahan pecahan

3. $\frac{1}{4} + \frac{1}{2} =$

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{4} + \frac{1}{4} \\ &= \frac{2}{4} \\ &= \frac{1}{2} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} &2: 2, 4, 6 \\ &4: 4, 8, 12 \\ &\frac{1 \times 2}{2 \times 2} = \frac{2}{4} \\ &= \frac{1}{4} \end{aligned}$$

Rajah 2. Contoh 2 kesilapan penambahan pecahan

4. $\frac{2}{3} + \frac{3}{5} = \frac{1}{3}$

$$\begin{aligned} 3: & 6, 9, 12, 15, 18 \\ 5: & 10, 15, 20 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \frac{2 \times 5}{3 \times 5} &= \frac{2}{15} \\ \frac{3 \times 3}{5 \times 3} &= \frac{3}{15} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} &\frac{2}{3} + \frac{3}{5} \\ &= \frac{2}{15} + \frac{3}{15} \\ &= \frac{5}{15} \\ &= \frac{1}{3} \end{aligned}$$

FOKUS KAJIAN

Penambahan pecahan merupakan satu kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid. Penambahan pecahan wajar penyebut tak sama merupakan satu kemahiran yang amat sukar dikuasai. Oleh itu penyelidik memfokuskan kajian dalam kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama. Kemahiran ini amat penting dikuasai oleh murid kerana ianya digunakan dalam pembelajaran topik yang melibatkan unit.

Kotak Pecahan merupakan salah satu kaedah yang amat sesuai digunakan dalam membantu murid menjawab soalan penambahan dua pecahan yang melibatkan penyebut tak sama. Ini selari dengan saranan Will (2011) dalam laman web Master Math. Tambahan lagi dengan maklum balas positif yang diberikan oleh pengguna dalam laman web tersebut. Kelebihan penggunaan Kotak Pecahan juga terdapat pada pengurangan risiko bagi murid melakukan kesilapan pengiraan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- a. Membantu murid menguasai kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama.
- b. Menambahbaik amalan Pengajaran dan Pembelajaran guru dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama.

Persoalan kajian ini adalah

- a. Bagaimanakah cara membantu murid menguasai kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama?
- b. Bagaimanakah cara menambahbaik amalan Pengajaran dan Pembelajaran guru dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama?

KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini melibatkan lima orang murid Tahun 4 yang berumur 10 tahun dari sebuah sekolah di kawasan Miri. Kesemua responden telah menguasai kemahiran mencari pecahan termudah dan nombor bercampur. Jadual 1 menunjukkan maklumat responden.

Jadual 1
Maklumat responden

Responden	Jantina	Kaum	Ciri-ciri Khas
R1	Perempuan	Cina	Cepat mempelajari sesuatu yang baru, agak pendiam
R2	Lelaki	Bidayuh	Aktif
R3	Lelaki	Cina	Aktif, suka memberi pendapat
R4	Perempuan	Melayu	Aktif, lambat mempelajari sesuatu kemahiran, suka bercakap
R5	Perempuan	Melayu	Pasif







TINDAKAN

Kajian ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart (1982) yang merangkumi empat langkah, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan membuat refleksi (Othman Lebar, 2011; Ho Ho Tang *et al.*, 2014; Shamsina Shamsuddin, 2014).

Tiga teknik pengumpulan data digunakan dalam kajian ini iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data dari lembaran kerja dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul, manakala data pemerhatian dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku yang dikenalpasti melalui senarai semak pemerhatian semasa responden menjawab Lembaran Kerja 2 dan 4. Data temu bual yang dikumpul selepas responden menjawab Lembaran Kerja 2 dan 4 ditranskrip dan dikodkan mengikut tema yang ditetapkan. Jadual 2 menunjukkan contoh penggunaan Kotak Pecahan dalam menyelesaikan soalan penambahan pecahan melibatkan penyebut tak sama dalam Kitaran 1.

Jadual 2

Penggunaan Kotak Pecahan dalam Kitaran 1.





<p>Soalan : $\frac{1}{3} + \frac{1}{4} =$</p>			
<p>Langkah 1: Melukis Kotak Pecahan</p>			
<p>Langkah 2: Mengisi Pecahan ke Dalam Kotak Pecahan</p>	<p>Pecahan $\frac{1}{3}$ diisikan ke dalam lajur teratas. Kemudian pecahan $\frac{1}{4}$ pula diisi pada baris pertama.</p> 		
<p>Langkah 3: Melaksanakan Proses Darab</p>	<p>$1 \times 4 = 4$</p> 	<p>$3 \times 1 = 3$</p> 	<p>$3 \times 4 = 12$</p> 
<p>Langkah 4: Mengira Hasil Tambah</p>	<p>Mengira hasil tambah bagi kawasan berwarna. $4 + 3 = 7$</p> 		
<p>Langkah 5: Menulis jawapan pecahan</p>	<p>Hasil tambah 4 dan 3 adalah 7 dan merupakan penyebut manakala 12 merupakan pengangka. Pastikan jawapan adalah dalam bentuk termudah.</p> <p>Jawapan: $\frac{7}{12}$</p>		

Jadual 3 menunjukkan penambahbaikan yang dilakukan ke atas Kotak Pecahan dalam Kitaran 2. Penggunaan warna dan konsep campuran warna diaplikasikan ke atas Kotak Pecahan untuk membantu responden mengenal pasti pasangan nombor yang harus dilakukan pendaraban untuk mendapatkan pengangka dan penyebut. Penambahbaikan ini melibatkan langkah 1 dan 3 sahaja manakala langkah 2, 4 dan 5 adalah kekal seperti dalam Kitaran 1.

Jadual 3

Penambahbaikan Penggunaan Kotak Pecahan dalam Kitaran 2 (Langkah 1 dan 3).

<p>Soalan : $\frac{1}{3} + \frac{1}{4} =$</p>

<p>Langkah 1: Melukis dan Menandakan Kotak Pecahan</p>	<p>Kotak Pecahan dilukis dan ditandakan bintik warna seperti berikut:</p> 		
<p>Langkah 3: Melaksanakan Proses Darab Mengikut Warna</p>	<p>$1 \times 4 = 4$ (Kuning \times Merah = Jingga)</p> 	<p>$3 \times 1 = 3$ (Merah \times Biru = Ungu)</p> 	<p>$3 \times 4 = 12$ (Merah \times Merah = Merah)</p> 

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan Kotak Pecahan Terhadap Penguasaan Penambahan Pecahan Wajar Penyebut tak Sama

Penyelidik menggunakan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual (Kitaran 1) untuk menilai peningkatan penguasaan responden. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis data lembaran kerja untuk Kitaran 1. Tafsiran hanya untuk Lembaran Kerja 2. Jumlah bilangan soalan yang dijawab dengan betul sebanyak 0-2 bermaksud tidak menguasai, 3-4 bermaksud kurang menguasai dan 5-6 menguasai. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis pemerhatian untuk Kitaran 1. Jumlah kekerapan sebanyak 0-2 bermaksud tidak memenuhi kriteria, 3-4 bermaksud kurang memenuhi kriteria dan 5-6 memenuhi kriteria. Jadual 6 pula menunjukkan hasil analisis temu bual untuk Kitaran 1. Kod 1 bermaksud respon positif dan Kod 2 bermaksud respon negatif.

Jadual 4

Hasil analisis data lembaran kerja Kitaran 1

Responden	Bilangan Soalan Yang Dijawab Betul (Daripada 6 Soalan)		
	LK1	LK2	Tafsiran
R1	4	5	Menguasai
R2	6	5	Menguasai
R3	6	6	Menguasai
R4	1	2	Tidak Menguasai
R5	2	3	Kurang Menguasai

Jadual 5

Hasil analisis pemerhatian Kitaran 1

Bil	Item Pemerhatian	Hasil Pemerhatian				
		R1	R2	R3	R4	R5
1	Melakar Kotak Pecahan dengan betul	6	6	6	6	6
2	Mengisi nombor pada Kotak Pecahan dengan betul	5	6	6	6	6
3	Melakukan langkah pengiraan dengan betul	5	5	6	2	3
4	Memberi jawapan akhir yang betul (Bentuk termudah atau nombor bercampur)	5	5	6	2	3
5	Bilangan soalan yang dijawab	6	6	6	5	6


Jadual 6:

Hasil analisis temu bual Kitaran 1


Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual				
		R1	R2	R3	R4	R5
1	Adakah Kotak Pecahan ini senang dilakar?	1	1	1	2	1
2	Adakah penggunaan Kotak Pecahan lebih mudah untuk menjawab soalan penambahan pecahan? Mengapa?	1	1	1	2	2
3	Adakah anda yakin menggunakan Kotak Pecahan? Mengapa?	1	1	1	2	2
4	Adakah anda menggunakan Kotak Pecahan menjawab soalan penambahan pecahan? Mengapa?	1	1	1	2	2

Berdasarkan Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6, seramai 3 orang responden (R1, R2, R3) telah menguasai penambahan pecahan wajar penyebut tak sama dengan menggunakan Kotak Pecahan. Rajah 3 dan 4 masing-masing menunjukkan contoh hasil kerja R2 dan R3 yang telah berjaya menggunakan Kotak Pecahan untuk menjawab soalan penambahan pecahan melibatkan penyebut tak sama.

Rajah 3. Contoh hasil kerja R2




Rajah 4. Contoh hasil kerja R3




Walau bagaimanapun, masih terdapat dua orang responden yang masih tidak menguasai dan kurang menguasai kemahiran ini. Oleh itu, Kitaran 2 dilaksanakan dengan mengubah amalan PdP guru dengan menambah baik penggunaan Kotak Pecahan. Rajah 5 dan 6 masing-masing menunjukkan hasil kerja R4 dan R5 yang melakukan kesilapan.

Berdasarkan Rajah 5 dan 6, didapati kesilapan yang dilakukan oleh responden adalah semasa proses darab pada Langkah 3. Responden telah mendarab petak nombor yang bersebelahan. Contohnya pada Rajah 5, responden telah mendarabkan 2 dengan 5 dan mendapat hasil 10. Pendaraban yang sepatutnya adalah 3 dengan 5 untuk mendapatkan hasil 15.

Rajah 5. Contoh kesilapan R4



Rajah 6. Contoh kesilapan R5



Perubahan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru dengan Penambahbaikan Penggunaan Kotak Pecahan

Berdasarkan hasil kesilapan responden dalam Kitaran 1, penyelidik mendapati kebanyakan kesilapan yang dilakukan adalah disebabkan responden tidak menguasai proses pendaraban. Mereka tidak dapat mengenal pasti pasangan nombor yang harus didarab untuk mendapatkan pengangka dan penyebut hasil penambahan dua pecahan dengan penyebut tak sama. Oleh itu, penyelidik menggunakan warna untuk membantu responden dalam proses pendaraban dan akhirnya mendapat hasil penambahan dua pecahan. Penggunaan warna ini selaras dengan kajian Conelia (2012) dan Lynnay Huchendorf (2007) yang telah menunjukkan keberkesanan penggunaan warna dalam membantu murid menguasai kemahiran matematik. Teori Ivan Pavlov yang menekankan perkaitan antara rangsangan dan tindak balas adalah sesuai digunakan dalam situasi ini iaitu penggunaan warna dapat merangsang kefahaman responden (Mohd. Sharani Ahmad).

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis data lembaran kerja untuk Kitaran 2. Jadual 8 menunjukkan hasil analisis pemerhatian untuk Kitaran 2 dan Jadual 9 menunjukkan hasil analisis temu bual untuk Kitaran 2. Tafsiran yang digunakan adalah sama seperti pada Kitaran 1.

Jadual 7

Hasil analisis data lembaran kerja Kitaran 2

Responden	Bilangan Soalan Yang Dijawab Betul (Daripada 6 Soalan)		
	LK1	LK2	Tafsiran
R4	4	5	Menguasai
R5	6	5	Menguasai

Jadual 8

Hasil analisis pemerhatian Kitaran 2

Bil	Item Pemerhatian	Hasil Pemerhatian	
		R4	R5
1	Melakar Kotak Pecahan dengan betul	6	6
2	Mengisi nombor pada Kotak pecahan dengan betul	6	6
3	Melakukan proses pengiraan dengan betul	5	6
4	Memberi jawapan akhir yang betul (Bentuk termudah atau nombor bercampur)	5	5
5	Bilangan soalan yang dijawab	6	6


Jadual 9

Hasil analisis temu bual Kitaran 2

Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual	
		R4	R5
1	Adakah Kotak Pecahan ini senang dilakar?	1	1
2	Adakah penggunaan Kotak Pecahan lebih mudah untuk menjawab soalan penambahan pecahan? Mengapa?	1	1
3	Adakah anda yakin menggunakan Kotak Pecahan? Mengapa?	1	1
4	Adakah anda menggunakan Kotak Pecahan menjawab soalan penambahan pecahan? Mengapa?	1	1

Berdasarkan Jadual 7, 8 dan 9, kesemua responden dapat menguasai kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama. Rajah 7 dan 8 masing-masing menunjukkan hasil kerja R4 dan R5. Berdasarkan Rajah 7, R4 menggunakan lorekan warna, manakala berdasarkan Rajah 8, R5 menggunakan penandaan warna.

Rajah 7. Contoh hasil Kerja R4



Rajah 8. Contoh hasil Kerja R5

2. $\frac{1}{3} + \frac{2}{9} =$

1	3	
2	6	
9	9	2

$= \frac{15}{27}$
 $= \frac{5}{9}$

kuning \times merah = jingga
 merah \times biru = ungu
 merah \times merah = merah

PENUTUP

Penyelidik mencadangkan supaya penggunaan Kotak Pecahan diperluaskan dalam topik penolakan pecahan kerana konsepnya adalah sama dengan penambahan pecahan. Kedua-dua operasi penambahan dan penolakan memerlukan kita mencari penyebut yang sama terlebih dahulu dan kemudiannya pengangka dan seterusnya melakukan operasi tambah atau tolak. Selain itu, Kotak Pecahan ini juga sesuai digunakan dalam pendaraban dua nombor dengan dua digit masing-masing. Cara pengoperasiannya adalah sama seperti penambahan atau penolakan dua pecahan dengan penyebut tak sama. Bezanya ialah kita perlu melakukan pengumpulan semula. Secara kesimpulannya, perubahan amalan PdP telah membantu responden dalam penguasaan penambahan dua pecahan dengan penyebut tak sama.

RUJUKAN

- Conelia Ragum. (2012). Penggunaan nombor berwarna dalam membantu murid mengingat nombor 1 Hingga 9. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pemulihan Ambilan Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 1-11.
- Ho Ho Tang, Rahmah Murshidi, Gan We Ling, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee Hou Yaw, ... Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan teori dan amalan*. Sarawak: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Julie M.N & Meghan M.S. (2010). *Beyond pizzas & pies*. United States of America: Macmillan Publishing Solution.
- Lynnay Huchendorf. (2007). The effects of color on memory. *UW-L Journal of Undergraduate Research X*. Retrieved from <https://www.uwlax.edu/urc/jur-online/PDF/2007/huchendorf.pdf>.
- Marian Small. (2014). *Uncomplicating fractions to meet common core standards in math, K-7*. New York.
- Mohd. Sharani Ahmad. (2006). *Psikologi kanak-kanak*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan teori dan amalan*. Perak Darul Ridzuan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shamsina Shamsuddin. (2014). *Panduan melaksanakan kajian tindakan di sekolah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Siti Farah Idayu. (2015). Membantu menguasai konsep penambahan pecahan wajar dengan penyebut berbeza menggunakan grid pecahan. *Seminar Penyelidikan Tindakan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.

Tan Boon Hua & Hamden Gani

Will E. (2011). *Still can't add and subtract fractions with different denominators? Try this...* Retrieved from <http://www.mathsmaster.org/home/fractions/still-cant-add-and-subtract-fractions-with-different-denominators-try-this/>.

Jabatan Matematik
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakan, 98009 Miri , Sarawak.
Email: tanboonhua@ymail.com, hamden_gani@yahoo.com

BRAINSTORMING NEW VOCABULARY WITH THE FRAYER MODEL

SHANU PREEYA THANNIMALAI and CAMILLUS ONG HOCK SIEW

ABSTRACT

This action research was conducted amongst 5 respondents from 33 Year 5 pupils of a sub-urban school in Miri, Sarawak to increase vocabulary acquisition through the use of the Frayer model. This study focuses on the implementation of the Frayer model to see how it helps these pupils develop better understanding of new vocabulary input. The 5 respondents were carefully selected based on observations and interviews with the teacher. The Kemmis and McTaggart model was used in this research and a total of two cycles were carried out. The data collection methods used were participant observations, structured interviews and document analysis. The findings showed improvement in terms of the pupils' understanding of new vocabulary items through the implementation of the Frayer model. For future research, this technique can also be used to improve reading comprehension alongside developing vocabulary.

Keywords: Frayer model, vocabulary, improvement, understanding

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata di kalangan 33 pelajar Tahun 5 di sebuah sekolah di Miri, Sarawak melalui penggunaan "Frayer model". Seramai 5 orang pelajar telah dipilih dengan teliti sebagai responden untuk kajian ini melalui pemerhatian dan temu bual bersama guru Bahasa Inggeris bagi kelas tersebut. Kajian ini memberi tumpuan kepada pengaplikasian "Frayer model" untuk melihat keberkesanan teknik ini dalam membantu pelajar-pelajar ini dalam memperkembangkan kosa kata mereka. Kajian ini menggunakan model Kemmis and McTaggart dan sebanyak dua kitaran telah dijalankan. Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian telah menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan dan pemahaman kosa kata responden melalui penggunaan "Frayer model". Sebagai kajian lanjutan, teknik ini juga boleh digunakan untuk meningkatkan pemahaman dalam kemahiran membaca.

Kata kunci: Frayer model, kosa kata, peningkatan, pemahaman

PREFACE

Malaysia being a multilingual country, has recognized English as a second language. According to Mukherjee (2011, p. 183), "*controversies and problems with regard to language policy and language education still exist in Malaysia.*" In general, the level of the English language proficiency of Malaysian pupils needs a lot of patching up, as stated below by Gabriel in an article titled "English level in Malaysia not that high yet" (2015) in The Star:

We find that we are not able to teach students critically and creatively like we used to, as their command of the language is limited. ... Singapore uses English as one of its official languages. Here in Malaysia, it is taught as the second or foreign language.

TEACHING & LEARNING REFLECTION

